

**EMPAT (4) TEKNIK VISUALISASI LUKISAN KAJIAN MANUAL GAYA SENI  
BINA: ANALISIS TEMATIK PAKAR RUJUK (SME)  
HIBRID SENI DAN SENI BINA**

**[FOUR (4) MANUAL VISUALIZATION TECHNIQUES IN ARCHITECTURAL ART  
STYLE: A THEMATIC ANALYSIS BY SUBJECT MATTER EXPERTS (SMEs) ON  
THE HYBRIDIZATION OF ART AND ARCHITECTURE]**

MARIA MOHAMMAD<sup>1</sup>

**Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti empat (4) teknik visualisasi gaya seni bina hasil analisis tematik terhadap tiga (3) pakar rujuk hibrid seni dan seni bina (Subject Matter Expert – SME) dalam penghasilan lukisan kajian. Kajian ini memfokuskan kepada penghasilan lukisan kajian secara manual dalam konteks persembahan grafik senibina. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan sintesis teknik visualisasi membentuk objek yang diamalkan oleh SME bagi membantu pelajar diploma senibina semester pertama yang menghadapi kesukaran menghasilkan lukisan tiga dimensi (3D) secara manual dalam gaya grafik senibina. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi melalui kaedah temu bual, analisis visual, dan pemerhatian ke atas tiga (3) orang SME. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik berdasarkan Teori Kritikan Seni Feldman. Hasil kajian telah mengenal pasti empat (4) teknik utama iaitu teknik kualiti garisan (quality of line), teknik garisan seni visual (Line Visual Art), teknik aplikasi warna, dan teknik intensiti warna yang membentuk gaya garisan lorekan (gSLine) dalam 3D. Dapatan ini membawa kepada sintesis empat (4) langkah utama yang boleh dijadikan panduan dalam penghasilan lukisan kajian grafik senibina secara manual. Kajian ini mencadangkan agar teknik-teknik tersebut didokumentasikan secara sistematik untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang grafik senibina.

**Kata Kunci:** lukisan kajian, garis seni visual (LVA), gaya lorekan garis (gaya stroke garisan S), pakar rujukan (SME)

**Abstract**

This study investigates four manual visualization techniques in architectural drawing through a thematic analysis of three Subject Matter Expert (SME) who specialize in the integration of art and architecture. Focusing on manual study drawings within the context of architectural graphic presentation, the research aims to identify and synthesize visualization methods used by SMEs

---

<sup>1</sup>Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau Melaka, KM 2.5, Jalan Merlimau Jasin, Melaka, MALAYSIA.

**Corresponding Author:**

MARIA MOHAMMAD, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Merlimau Melaka, KM 2.5, Jalan Merlimau Jasin, Melaka, MALAYSIA.  
E-mail: mariacdecps@gmail.com

to support first-semester diploma architecture students who struggle with producing three-dimensional (3D) drawings manually. Employing a qualitative, phenomenological research design, data were collected through interviews, visual analysis, and direct observation. Thematic analysis was conducted using Feldman's Theory of Art Criticism as a framework. The study identifies four key techniques—quality of line, Line Visual Art (LVA), color application, and color intensity—that contribute to the development of a graphic Shading Line Style (gSLine) in 3D representation. These findings are synthesized into four essential steps that offer a structured guide for manual architectural drawing production. The study recommends the systematic documentation of these techniques to enhance teaching and learning practices in architectural graphic education.

**Keywords:** study drawing, line visual art (LVA), stroke line style (gaya stroke garisan S), subject matter expert (SME)

**Cite This Article:**

Maria Mohammad (2025). Analisis teori kritikan seni feldman terhadap lukisan mandala pelajar Diploma Seni Bina. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 7(1), 1-13.

## PENGENALAN

Isu visualisasi dalam penghasilan lukisan kajian secara manual dalam kalangan pelajar seni bina dikenal pasti sebagai satu cabaran berterusan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi kerana mereka masih terpengaruh dengan gaya melukis sekolah menengah (Ali et al., 2024). Berdasarkan pengalaman selama lebih dua puluh tahun penyelidikan dalam mengendalikan pengajaran lukisan persembahan seni bina, didapati bahawa 80% pelajar, khususnya di peringkat diploma, masih belum menguasai kemahiran ilustrasi objek tiga dimensi (3D) secara efektif mengikut gaya persembahan grafik seni bina yang konvensional (Mohammad et al., 2022b). Sebaliknya, gaya lukisan yang bersifat asas dan bersumberkan pengalaman zaman persekolahan masih terus diamalkan, sekali gus menjejaskan kualiti dan profesionalisme dalam penghasilan lukisan kajian (Mohsenian, 2016; Tweedapinta et al., 2025).

Isu ini tidak hanya terbatas kepada bidang seni bina semata-mata, malah turut merentasi disiplin ilmu lain yang berkaitan dengan rekaan dan seni (Hartanti, 2014). Masalah ketidakupayaan pelajar dalam memvisualisasikan idea dalam bentuk lukisan yang bersifat teknikal dan ekspresif telah memberi kesan terhadap keberkesanan penyampaian konsep rekaan, serta penghayatan terhadap nilai estetika dan fungsi objek yang dihasilkan. Kelemahan ini juga menjadi penghalang kepada pelajar dalam menghasilkan output yang memenuhi standard studio rekaan profesional (Najle, 2024).

Kajian-kajian terdahulu telah menekankan kepentingan aspek estetik dan ekspresi emosi dalam penghasilan karya visual sebagai satu nilai tambah yang signifikan dalam proses pembelajaran (Suwa & Purcell, 2024). Lukisan kajian yang berkualiti tinggi bukan sahaja mampu menzahirkan struktur dan bentuk objek, malah dapat menyampaikan idea, emosi, dan makna yang tersirat secara lebih mendalam dalam konteks amalan studio (Sajjadian, 2024). Sejarah juga membuktikan bahawa elemen seni lukis dan seni terapan telah diaplikasikan secara artistik dan strategik dalam pembinaan monumen peringatan oleh masyarakat terdahulu, sekali

gus merangkumi keseluruhan dimensi seni bina sebagai satu bentuk seni dan warisan budaya (Santos, 2024).



Rajah 1: Infografik Kajian Perpustakaan Pengkaji Terhadap Elemen Teras Lukisan Kajian dalam Gaya Hibrid Seni dan Seni Bina Berdasarkan Jurnal Practical Studio Practices of Study Illustrations: The Art+Graphic Hybrid Style of Architecture (Mohammad et al., 2022a)

## KAJIAN LITERATUR

Lukisan kajian adalah teknik menurut (Suwa & Purcell, 2024) menghasilkan bentuk objek dengan struktur bentuk, garis garis, dakwat, pen, pensil, krayon, arang dan kapur adalah media utama dalam visualisasi illustration lukisan kajian. Penyataan ini mempunyai kesamaan dengan kajian Mohammad et al., (2022b) juga Mayo, (2012). Teknik melukis dengan penerokaan sederhana dengan gabungan mana-mana cat, media kering dan basah untuk menghasilkan objek ilustrasi 3 dimensi secara manual akan menghasilkan karya kreativiti (Santos, 2024)

Dalam konteks seni, ia adalah medium dan unjuran, perkadaran yang mempunyai ciri atau sifat yang tidak sama dengan gabungan atau penggabungan untuk menghasilkan karya seni adalah penting bagi membentuk proposi (Santos, 2024). Penyataan ini juga menyokong penulisan (M.Maria et al.,) tahun 2014. Amalan studio para seniman akan memilih medium dan teknik yang sesuai dan kemudian menggabungkan medium itu menjadi karya seni dengan menggunakan setiap teknik. Mahasiswa mengabaikan aspek penggunaan proporsi. Penemuan ini disokong oleh lukisan kajian yang tidak berkaitan dengan penggunaan proporsi yang mengganggu pemerhati literasi visual.

Beberapa penyelidikan terdahulu telah menekankan kepentingan teknik garisan dalam penghasilan lukisan teknikal dan ekspresif. Menurut Teori Seni Feldman dalam penulisan Tweedapinta et al., (2025), analisis seni harus berasaskan pendekatan deskriptif, analisis formal, interpretasi dan penilaian, yang mana semua ini boleh disampaikan melalui kecekapan dalam penggunaan garisan dan warna. Dalam konteks pendidikan seni bina, kajian oleh Sen &

Ar., (2024) mendapati bahawa pelajar yang terdedah kepada variasi teknik lorekan menunjukkan peningkatan signifikan dalam persembahan visual projek studio.

Kajian lain oleh Szczepanski, (2024) pula menegaskan bahawa integrasi pendekatan hibrid antara seni halus dan lukisan teknikal boleh meningkatkan penghayatan estetik pelajar terhadap objek seni bina dan disokong penulisan (Santos, 2024). Oleh itu, adalah wajar untuk mendokumen dan mengadaptasi pendekatan SME sebagai rujukan praktikal dalam pendidikan seni bina.

Teknik persembahan gabungan informasi dalam menyampaikan maklumat dalam visual grafik berwarna adalah Teknik terkini menyampaikan maklumat dengan pantas bagi tujuan tarikan pembaca. Maklumat disampaikan dengan cepat dan jelas tanpa memerlukan masa yang lama untuk membaca data, pengetahuan yang dicadangkan diakhir kajian ini (Ristian et al., 2025).

Cadangan dan pandangan informan luar tentang amalan studio praktis gaya hibrid Art dalam model 'A+AGPD'. Informan membincangkan isu visualisasi ini dan isu ini menjadi fenomena. Manakala penghasilan karya Lukisan Kajian disiplin ilmu perekaan khususnya seni bina aspek estetik dan emosi anantara nilai tambah yang boleh diterapkan dalam proses penghasilan Lukisan Kajian. Lukisan Kajian yang tepat akan menghasilkan karya yang idel beremosi dan subjek sebenar dalam amalan kerja praktis studio. Ini menyebabkan hasil karya yang kurang berkadaran dan kelihatan cacat atau kadang-kadang kelihatan berlebih-lebihan bermain dengan emosi penonton. Lukisan kajian gaya seni bina memerlukan proses latihan melalui amalan studio praktis oleh SME.

## **OBJEKTIF**

Kajian ini dijalankan dengan objektif seperti berikut:

- a. Mengenal pasti teknik membentuk lukisan grafik gaya seni bina yang dipraktis oleh pakar dalam penghasilan lukisan kajian manual.
- b. Menganalisis pendekatan dan teknik yang digunakan berdasarkan Teori Kritikan Seni Feldman.
- c. Menghasilkan satu sintesis dalam bentuk infografik sebagai rujukan proses pengajaran dan pembelajaran lukisan kajian gaya seni bina.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi. Data dikumpulkan melalui triangulasi data utama:

- a. Temu bual separa berstruktur: Dilakukan bersama TIGA (3) orang SME berpengalaman mengajar pendidikan islam pelajar Diploma Seni Bina, Illustrator praktis dalam seni bina dan seni hibrid dan pensyarah seni bina

- b. Pemerhatian & Analisis Visual: Aktiviti demonstrasi teknik lukisan secara langsung oleh TIGA (3) SME praktis.

Analisis data dilakukan melalui analisis tema berdasarkan empat fasa Teori Kritikan Seni Feldman: deskripsi, analisis formal, interpretasi dan penilaian (Tweedapinta et al., 2025). Proses ini membolehkan penyelidik memahami secara mendalam pengalaman dan pendekatan SME dalam menghasilkan lukisan kajian manual yang dianalisis secara sentisis dan dipersembahkan dalam bentuk infografik.

## DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mengenal pasti empat teknik utama yang membentuk gaya lorekan garisan (Gaya Stroke Garisan S):

1. Kualiti Garisan (Quality of Line): Penggunaan variasi tekanan dan kelajuan dalam mengawal tebal nipis serta kekuatan visual garisan untuk menghasilkan kedalaman dan bentuk.
2. Garisan Seni Visual (Line Visual Art): Garisan digunakan sebagai elemen ekspresi untuk menonjolkan tekstur, emosi dan pergerakan dalam objek lukisan.
3. Aplikasi Warna: Pewarnaan dilakukan dengan kaedah pelapisan dan percampuran warna bagi menghasilkan kesan bayang dan pencahayaan.
4. Intensiti Warna: Tahap kepekatan dan ketepuan warna digunakan secara strategik untuk menekankan fokus dan dramatik visual dalam lukisan.

Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan SME menggabungkan unsur teknikal dan seni visual secara seimbang dalam setiap lukisan kajian.

Jadual 1 Profil Informan Berdasarkan Bidang/jawatan, Jantina, Gred Jawatan, Pengalaman Dalam Bidang Lukisan Kajian Gaya Seni Bina

| Profil Informan                                              | Bil      | Jantina  | Gred Jawatan             | Tahun Pengalaman |
|--------------------------------------------------------------|----------|----------|--------------------------|------------------|
| <b>Illustrator Seni Bina 1</b><br>(Praktis Seni Bina + Seni) | <b>1</b> | <b>L</b> | <b>Ilustarator Bebas</b> | <b>25</b>        |
| <b>Pensyarah</b><br>(Seni Bina+ Seni )                       | <b>1</b> | <b>L</b> | DH48                     | 20               |
| <b>Seni Bina</b><br>(Seni + seni Bina)                       | <b>1</b> | <b>P</b> | DH48                     | 20               |

Organisasi Seni Visual Line (LVA) dianalisis berdasarkan elemen seni: penampilan, garis, bentuk, bentuk, tekstur dan warna untuk membentuk ilustrasi 3 dimensi secara manual dalam kalangan *Subject Matter Expert* (SME). Perbezaan dan variasi serta amalan studio dianalisis menggunakan teori kritikan Feldman. Gaya garisan stroke line (gSLine) ilustrasi

setiap SME berbeza-beza dengan mengaplikasikan EMPAT(4) jenis garisan berkualiti. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan rekabentuk fenomenologi berdasarkan amalan studio praktis SME. Kaedah triangulasi data menggunakan rakaman visual, temubual pemerhatian dan analisis karya sebagai metodologi. Data tematik dianalisis bagi memperolehi pengesahan dapatan kajian.



Rajah 1: Analisis Karya Lukisan Kajian SME bagi mengenalpasti gaya lukisan kajian SME. Ilustrasi oleh AJ Reka

Menurut penulisan Othman Lebar, (2015) kajian kuantitatif mempunyai batasan, tetapi dapat menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci. Ini selaras dengan pandangan penulisan penyelidikan Rahadian et al., (2024) dan (Tjetjep Rohendi Rohidi, 2011) yang menyatakan bahawa kaedah lain kurang berjaya mencungkil masalah yang rumit dan kompleks secara mendalam. Oleh hal yang demikian, kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk meneroka proses dan amalan informan. Kefahaman terhadap fenomena yang dikaji adalah dari interpretasi penyelidik berdasarkan pengalaman dan persepsi penyelidik selama lebih 20 tahun terlibat sebagai tenaga pengajar kursus Graphic Presentation DCA 10013 dalam sistem Didik Higher (DH) dalam sistem di Politeknik.

## DAPATAN KAJIAN

Pendekatan sistematik baru dalam sintesis proses latihan studio oleh informan Subject Matter Expert (SME) dalam bidang hibrid seni dan seni bina dianalisis berdasarkan pendekatan kajian kualitatif menggunakan rakaman visual, wawancara, pemerhatian dan peniruan digunakan sebagai metodologi dalam proses visualisasi. Teori kritikal digunakan untuk menganalisis karya SME. Organisasi Line Visual Art (GARISAN SENI VISUAL ) menggunakan teknik kotak dan dianalisis berdasarkan elemen seni: rupa, garis, bentuk, bentuk, tekstur dan warna untuk membentuk tiga gambar dimensi dianalisis. Analilis tematik menggunakan teori kritikal Seni Edmund Burke Feldman dalam kajian ini.

Jadual 1 Jadual analisis Gaya Lukisan Kajian SME menggunakan Teori Kritikan Feldman

| Bil. | Peringkat Analisis                                                                                                                                                                                                                                                     | Penjelasan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Deskripsi</b><br><br>Pengkaji menganalisis karya EMPAT(4) SME seni bina mahir lukisan kajian.                                                                                                                                                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lukisan Kajian ;</li> <li>• Keperluan membentuk gaya               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pendekatan sistematik</li> <li>ii. Proposi</li> </ol> </li> <li>• Teknik 1-<i>Quality of line (QoL)</i> : garisan Seimbang, garisan berterusan, garisan bernada dan garisan bersilang.</li> <li>• Teknik 2- <i>Line Visual Art (LVA)</i> garisan bina (0.1 pen), garisan objek (0.4 feltip pen), garisan <i>profile</i> (0.6 pen artline pen).</li> </ul> <p>* Kaedah membentuk struktur objek isometrik, oblik, perspektif<br/>           * Kaedah proposi<br/>           * Kaedah pemilihan layout- rujuk <i>rule of third</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknik 3 Mewarna- Campuran warna melibatkan warna panas, warna asal dan warna sejuk merujuk roda warna.</li> <li>• Teknik 4- Intensiti warna, ruang putih (<i>white space</i>), bayang</li> </ul> <p>* Warna hanya pada bayang dan elemen persembahan</p> |
| 2.   | <b>Analisis</b><br><br>Analisis terperinci Lukisan Kajian Analisis Tematik SME                                                                                                                                                                                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujuk jadual 2</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
| 3.   | <b>Interpretasi Tema</b><br><br><b>Lukisan Kajian ‘Gaya Bebas Tangan’</b>                                                                                                                                                                                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknik menghasilkan Lukisan Kajian ‘lukisan bebas tangan ’gaya seni bina dan seni halus ini dinilai. Isu kelainan gaya Lukisan Kajian SME seni bina dan seni halus oleh pakar rujuk dianalisis</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Media Felt Tip Pen + 3 size</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mata Halus</li> <li>ii. Mata sederhana</li> <li>iii. Mata Besar</li> </ol> </li> <li>• <b>Lorekan</b> hanya menggunakan <b>gSLine</b></li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagaimanakah teknik melukis lukisan kajian dalam gaya seni bina oleh SME divisualkan melalui amalan studio praktis?</li> <li>• Ilmu <b>Line Visual Art (LVA)</b></li> <li>• Ilmu <b>Garisan Kualiti</b></li> <li>• Ilmu <b>Teori Warna Panas sejuk</b></li> <li>• Ilmu <b>Teori Intensiti Warna</b></li> <li>• <b>Gaya Stroke Line(gSLine)</b></li> <li>• Mentafsir gaya SME menghasilkan Lukisan Kajian penerokaan <b>gaya, teknik</b> dan <b>medium</b>.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |


| Bil. | Peringkat Analisis                                                                                                                                                                                                                             | Penjelasan |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
|      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Warna menggunakan warna <b>panas</b>, warna <b>asal</b>, warna <b>sejuk</b></li> <li>Lorekan paling gelap-kawasan selepas <b>profilline</b></li> <li>Konsep ruang putih (<b>white space</b>)</li> </ul> |            |

## PENILAIAN

Teknik sistematik boleh dipelajari pelajar tanpa kearifan melukis. Teknik memerlukan pelajar mengikuti kaedah bermula teknik nombor 1 sehingga teknik nombor keempat



❖ Teknik 1




Teknik 2



Teknik 3





Teknik 4



Jadual 2 Jadual analisis Gaya Lukisan Kajian SME menggunakan Teori Kritikan Feldman


| Media             | Analisis Gaya Ilmu         | Penjelasan    |
|-------------------|----------------------------|---------------|
|                   | Garisan strok (gSLine)     |               |
|                   | Lukisan Kajian             |               |
| Teknik dan Medium | Ilmu Line Visual Art (LVA) |               |
| Medium            | i. Garis Bina              | i. Mata 0.2   |
| Feltip            | (Struktur Berkotak         | (mata halus)  |
| Pen Artline       | isometrik/                 | ii. Mata 0.5  |
| 0.6/Simulasi      | oblik)                     | (mata sedang) |
| bentuk objek      | ii. Garis Objek            | iii. Mata 0.6 |
|                   | iii. Garis                 | artline       |
|                   | Profilline(Garisa          | (mata         |
|                   | n tebal 3Dvgk)             | besar)        |
|                   | Ilmu Garisan Kualiti       |               |
|                   | (3Dvgk)                    |               |
|                   | i. Berterusan              |               |



| Bil. | Peringkat Analisis                                                                      | Penjelasan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|      |                                                                                         | ii. Seimbang<br>iii. Bersilang<br>iv. <i>Profiline</i><br><b>Ilmu Teori warna</b><br>i. Warna Panas<br>ii. Warna Asal<br>iii. Warna Sejuk<br><b>Ilmu Teori Intensiti Warna</b><br>i. Warna Monokromatik<br>ii. Warna Kromatik<br>iii. Warna Akromatik<br>iv. Warna Harmoni (Warna bersebelahan dalam roda warna)<br><br>v. Warna Kontras<br><b>Gaya Stroke Line(gSLine)</b><br> |
|      | <b>Teknik</b><br><b>Lorekan</b><br>Artline 0.6<br><b>Visualisasi</b><br><b>Objek 3D</b> | Lorekan gurisan mata pen sebanyak 45 darjah<br>Garisan tebal tepi objek bagi menjelaskan objek<br>i. Bayang<br>ii. Garisan <i>Profiline</i><br><br>Medium pensil warna dan cat air<br>*kesan <i>cast shadow</i> dan <i>chiaroscuro</i> iaitu pembahagian antara penggunaan warna pada kawasan yang bercahaya dan kawasan telindung cahaya<br>*Teknik <i>tenebrism</i>                                                                                                                                                                               |
|      |                                                                                         | Kesan bayang <i>chiaroscuro</i> dan <i>tenebrism</i> lebih emosi dan kesan realistik                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |

| Bil. | Peringkat Analisis                                                                 | Penjelasan |
|------|------------------------------------------------------------------------------------|------------|
|      | kawasan yang<br>gelab dengan<br>nilai warna<br>kontras<br>memperjelaskan<br>objek. |            |

Dapatan jadual 2 dianalisis berdasarkan data yang diperolehi. Terdapat EMPAT (4) tema yang dikeluarkan dalam kajian ini. Tema dokumentasi menunjukkan informan bersetuju SME menunjukkan teknik bersifat sistematik dan boleh dipelajari dengan tunjuk cara.



Rajah 2 Infografik Lukisan Kajian SME bagi mengenalpasti gaya lukisan kajian SME.

Teknik lukisan kajian bermula daripada i. Organisasi Seni Visual penghasilan garisan berkualiti (Quality of Line), ii. Teknik Garisan Visual (LVA) membentuk struktur objek bermula garis bina, garis objek dan garisan profiline iii. Teknik Mewarna Objek dianalisis berdasarkan elemen seni: penampilan, garis, bentuk, bentuk, tekstur dan warna untuk membentuk objek ilustrasi 3D secara manual. Variasi objek 3D dimensi sintagmatik pada amnya mustahil untuk dikesan dalam lakaran akhir tanpa teknik yang sistematik. Garisan Gaya

*stroke* (gSLine) Lukisan Kajian melukis setiap individu berbeza-beza namun gaya boleh dikesan melalui kaedah 4 teknik melukis yang diperkenalkan oleh pengkaji. Konsistensi dalam gaya dan teknik perlu dipraktis dalam amalan studio sejak mula proses melakar bagi memperolehi bentuk asas yang proposi.

Struktur kotak adalah dengan menggunakan pendekatan isometrik, oblik dan perspektif adalah teknik khusus kaedah yang diaplikasikan bagi menghasilkan Lukisan Kajian yang berkadaran dari kesan visual. Identiti menjelaskan gSLine Lukisan Kajian seni bina ditambah dengan kesan *white space*. Ilusi yang divisualkan bersahaja, gSLine yang berkadaran, dan lukisan grafik persembahan dapat membantu audien melihat bangunan yang beremosi.

## KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan SME dalam penghasilan lukisan kajian secara manual mempunyai nilai signifikan dalam memperkukuh kemahiran pelajar dalam visualisasi seni bina. Keempat-empat teknik visualisasi lukisan kajian gaya grafik seni bina boleh dibentuk berdasarkan gSLine yang dikenali perlu dijadikan sebahagian daripada modul pengajaran. Pendekatan ini berpotensi untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan ekspresi visual pelajar secara menyeluruh. Oleh itu, dokumentasi sistematik terhadap teknik ini amat penting bagi memastikan kesinambungan pengetahuan dan peningkatan mutu dalam pendidikan grafik seni bina.

## PENGHARGAAN

Kajian ini membantu dalam pengembangan kemahiran pelajar khusus dalam menghasilkan lukisan kajian persembahan grafik seni bina yang wajib dipelajari melukis secara manual sebelum menggunakan perisian komputer dalam bidang seni bina. Amalan studio ini, mengaplikasikan kemahiran amalan studio praktis ilustrasi lukisan kajian gaya habrid dalam kalangan pelajar seni bina. Terima kasih kepada TIGA(3) Subject Matter Expert (SME) menjadi informan secara persempelan bertujuan dalam kajian ini. Terima kasih kepada pihak pengurusan institusi yang memberi kebenaran kajian dan sesi perkongsian ilmu. Pendekatan baru ini akan menyumbang kepada kurikulum dan pedagogi dalam amalan studio praktis bidang seni bina khusus teknik melukis lukisan kajian gaya seni bina yang boleh dipelajari dengan proses yang sistematik.

## RUJUKAN

- Ali, S., Abdul Razak, H., Dasuki, S., & Khusil @ Samuri, B. (2024). Exploration of Lines in Landscape Painting and Architecture. *International Journal of Art and Design*, 8(1/SI-1), 104–116. <https://doi.org/10.24191/ijad.v8i1/si-1.2523>.
- Hartanti, K. (2014). *Pengaruh Model Pembelajaran VAK ( visualisasi, auditori, kinestetik ) Terhadap Prestasi Belajar Pendidikan Agama Islam Pada Siswa Di Sdn Tlogomulyo Temanggung*.
- M.Maria, I.Nasir, N.Rusdi, J.Kasran, & A.Faisal. (2014). Style in ‘ Lukisan Kajian ’. Comparison ‘ Karya Lukisan Pengkaryaan ’ with ‘ Karya Lukisan Perekaan ’: Phenomenon Visualization. *Australian Jurnal of Basic and Applied Sciences*, 8(April 2013), 1–7.
- Mayo, N. (2012). Drawing into Practice. *Journal of Visual Art Practice*, 11(1), 75–81. <https://doi.org/10.1386/jvap.11.1.75>
- Mohammad, M., Zamri, N. A., & Harun, H. (2022a). Practical Studio Practices of Study Illustrations: The Art+Graphic Hybrid Style of Architecture. *Kibar*, 2022(7). <https://doi.org/10.4108/eai.28-10-2020.2315328>
- Mohammad, M., Zamri, N. A., & Harun, H. (2022b). Practical Studio Practices of Study Illustrations: The Art+Graphic Hybrid Style of Architecture. *Practical Studio Practices of Study Illustrations: The Art+Graphic Hybrid Style of Architecture*, 1–13. <https://doi.org/10.4108/eai.28-10-2020.2315328>
- Mohsenian, S. M. (2016). A New Approach to the Role and Effects of Modern Art on Graphics. *International Journal of Scientific & Research*, 7(1), 262–266.
- Najle, C. (2024). *Decelerated Traces Crafting Drawing Practice for An Early Design Curriculum*.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode* (Cetakan Ke). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak.
- Rahadian, B. T., Park, J., Visual, D. K., Visual, D. K., Nusantara, U. B., Rahadian, B. T., & Visual, D. K. (2024). Reposisi Sketsa Dalam Pendidikan Desain Komunikasi Visual Repositioning Sketches in Visual Communication Design Education. *Serat Rupa Journal of Design*, July 2024, 8(2), 225–240.
- Ristian, M., Putu, N., Darmayanti, T., Luh, N., Ayu, P., Muliani, T., & Martini, K. B. (2025). Pemanfaatan Media Sosial Oleh Generasi Muda Untuk Mempromosikan Warisan Budaya Nysantara Di Era Globalisasi. *Jurnal Pendidikan Madrasah*, 9(2), 231–235.
- Sajjadian, S. M. (2024). Architecting Net Zero: From Drawings to Bytes. In *Journal of Building Engineering* (Vol. 95). Elsevier Ltd. <https://doi.org/10.1016/j.job.2024.110094>
- Santos, R. S. (2024). *Back to the Drawing Board: Qualitative and Mixed Research Methods in Architectural Education* (Vol. 12).
- Sen, D. G. S. D. J., & Ar., D. S. R. A. M. V. (2024). Challenges of Teaching Architectural Graphics and Drawing Subject: A Case Study Savitribai Phule Pune University’. In D. G. S. D. J. Sen, D. S. R. A. M. V. A. K. Nandode, & School (Eds.), *International Conference Future of Skills In Architeture, Design, Planning And Allied Fields* (pp. 301–307). School of Architecture, Urban Development and Planning Symbiosis Skills

and Professional University adjoining Mumbai - Pune Expressway, Kiwale, Ravet, Pune, Pimpri-Chinchwad, Maharashtra 412101.

Suwa, M., & Purcell, T. A. (2024). *The Roles of Sketches in Early Conceptual Design Processes*.

Szczepanski, J. (2024). Architectural Drawing At GDAŃSK University of Technology From 1904 to 2024. *Riviste.Fupress.Net/Tribelon*, July 2024(Vol.1/N.1/2024), 82–95.

Tweedapinta, E., Wisetrotomo, S., & Garibaldi, P. (2025). *Kritik Pertunjukan pada Sonata Biola Ysaye 'Obsession' Melalui Teori Kritik Seni Feldman*. 12(April 2024), 102–119.